

24/09/2003

Oracle jamin terus sokong pembangunan MSC

SYARIKAT perisian enterpris terbesar dunia, Oracle Corp (Oracle) memberi jaminan akan terus menyokong semua usaha pembangunan yang dilakukan terhadap Koridor Raya Multimedia (MSC) walaupun kepemimpinan Malaysia bertukar tangan.

Naib Presiden Eksekutif Oracle Corp (Oracle) Asia Pasifik, Derek Williams memberi jaminan itu dengan mengatakan bahawa Oracle yakin bahawa di bawah kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi nanti, MSC tetap diberi perhatian.

Katanya, Abdullah tetap mampu memenuhi wawasan MSC itu sebagaimana yang dijayakan oleh Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan membawa MSC dikenali ramai sehingga ke peringkat antarabangsa.

"Saya sudah mengadakan pertemuan dengan mereka berdua mengenai perkembangan MSC dan hasilnya begitu menggalakkan dengan komitmen dalam menjayakan MSC tetap diteruskan dan ini meyakinkan Oracle untuk sentiasa menyokong perkembangan MSC," katanya kepada media di Singapura, minggu lalu.

Williams yang juga ahli panel penasihat (IAP) MSC dan tidak pernah ketinggalan mengikuti mesyuarat IAP, menegaskan bahawa beliau akan tetap mengikuti acara itu pada masa depan walaupun pucuk pimpinan Malaysia bertukar tangan.

Ditanya mengenai perkembangan MSC, beliau berkata, projek mega negara itu perlu dilaksanakan pembangunan terhadap kandungan penciptaan dan penciptaan sistem bagi menyekat pengaliran keluar syarikat asing ke negara lain seperti China dan India.

Katanya, China dan India kini menjadi tarikan utama kepada industri pengeluaran untuk bertapak di sana dan ini menjadi cabaran hebat kepada MSC untuk memastikan syarikat yang sudah bertapak di MSC terus kekal di situ.

"Malaysia harus berjuang dalam keadaan ini dengan menyediakan kemudahan seperti itu untuk terus memastikan MSC menjadi tapak kepada membangunkan ciptaan khususnya kepada China dan India," katanya.

Selain itu beliau menegaskan bahawa MSC kini sudah mencapai kejayaan dan ini berjaya menolak tohmohan beberapa pihak yang sebelum ini mengatakan projek itu sudah gagal.

"MSC kini sudah menghalu ke fasa kedua dan ia sudah berjaya membuktikan keunggulannya khususnya dengan terbina pusat inivasi multimedia yang mampu menjadi platform untuk memacu perkembangan Malaysia serta inovasinya," katanya.